

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Tarikh : \_\_\_\_\_ (Untuk diisi oleh Cawangan)

[**Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat umum produk sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran produk Deposit Berjangka (FRIA-i, FRIA-i 45Plus and FRIA On Lien)**]

**Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma umum dalam dokumen ini.**

### 1. Apakah produk ini?

Deposit Berjangka adalah akaun deposit berjangka patuh Syariah untuk Individu yang mencapai usia minimum lapan belas (18) tahun dan/atau Bukan Individu yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah di bawah undang-undang Malaysia di mana kadar keuntungan akan dimaklumkan kepada Pelanggan semasa permohonan dan semasa pembaharuan akaun.

Produk-produk Deposit Berjangka adalah seperti berikut:

FRIA-i	Untuk individu yang mencapai usia minimum lapan belas (18) tahun dan /atau bukan individu yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah di bawah undang-undang Malaysia.
FRIA-i 45Plus	Untuk individu yang mencapai usia minimum empat puluh lima (45) tahun.
FRIA On Lien	Disyaratkan kepada individu yang mencapai usia minimum lapan belas (18) tahun dan/atau bukan individu yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah di Malaysia untuk dijadikan sebagai cagaran kepada pembiayaan.

- Sila rujuk item tiga (3) untuk ciri-ciri utama produk diatas.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk ini menggunakan konsep *Tawarruq* yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lain.

Di bawah perjanjian ini, Pelanggan melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen Pelanggan (wakalah) untuk membeli komoditi dari Pembekal Komoditi (Broker A) secara tunai. Di bawah perjanjian ini, Pelanggan akan melantik Bank sebagai ejen bagi Pelanggan (wakalah) untuk membeli komoditi daripada Pedagang Komoditi (Broker A) secara tunai dan seterusnya Pelanggan akan menjual komoditi tersebut kepada pihak Bank di bawah kontrak Murabahah (harga kos ditambah keuntungan) dengan bayaran secara tangguh. Pihak Bank seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pedagang Komoditi (Broker B) secara tunai dan lain.

Apabila penempatan yang bersamaan dengan jumlah deposit dibuat di Bank, **pihak Bank akan membeli komoditi tersebut daripada Pelanggan setelah Bank (sebagai wakil Pelanggan) membeli Komoditi tersebut daripada Pedagang Komoditi**. Bagi menunjukkan kesungguhan Bank, deposit sekuriti (*hamish jiddiyah*) akan dibayar (sekiranya perlu) dan setelah pembelian Komoditi selesai, deposit sekuriti tersebut akan dikira sebagai sebahagian daripada Harga Belian yang perlu dibayar oleh Bank.

**3. Apakah ciri-ciri utama produk ini?****a) FRIA-i**

Ditawarkan kepada individu berumur 18 tahun dan ke atas dan juga bukan individu.

Jenis Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Deposit Sekuriti secara <i>upfront</i> akan dibayar pada tarikh kuat kuasa deposit.</li> <li>Keuntungan secara bulanan, setengah tahun, tahunan atau tarikh matang akan dibayar mengikut tarikh (<i>point to point</i>) deposit.</li> </ul> <p><b>Ilustrasi:</b>            Tempoh : 12 bulan            Tarikh pembukaan akaun : 02/02/2020            Tarikh matang : 02/02/2021            Sekiranya pelanggan memilih keuntungan dibayar secara tahunan, keuntungan akan dibayar pada 02/02/2021.</p>									
Tempoh	1,3,6,9,12,15,18,24,36,48 dan 60 bulan (mengikut kesesuaian pilihan pelanggan)									
Deposit Pembukaan Minima	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh / Pulangan</th> <th>Individu/ Bukan-Individu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Deposit sekuriti secara <i>upfront</i></td> <td>RM 5,000.00</td> </tr> <tr> <td>1 bulan</td> <td>RM 5,000.00</td> </tr> <tr> <td>3 bulan dan ke atas</td> <td>RM 1,000.00</td> </tr> </tbody> </table>		Tempoh / Pulangan	Individu/ Bukan-Individu	Deposit sekuriti secara <i>upfront</i>	RM 5,000.00	1 bulan	RM 5,000.00	3 bulan dan ke atas	RM 1,000.00
Tempoh / Pulangan	Individu/ Bukan-Individu									
Deposit sekuriti secara <i>upfront</i>	RM 5,000.00									
1 bulan	RM 5,000.00									
3 bulan dan ke atas	RM 1,000.00									
Kadar Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar keuntungan akan dimaklumkan semasa pembukaan akaun dan semasa pembaharuan akaun.</li> <li>Kadar keuntungan semasa yang ditawarkan bagi setiap produk boleh disemak di laman sesawang Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> atau notis yang dipaparkan di cawangan.</li> <li>Kadar keuntungan akan berubah dari semasa ke semasa.</li> </ul>									

**b) FRIA-i 45Plus**

Ditawarkan kepada individu yang berumur 45 tahun dan ke atas sahaja.

Jenis Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Deposit sekuriti secara <i>upfront</i> akan dibayar pada tarikh kuat kuasa deposit.</li> <li>Keuntungan secara bulanan, setengah tahun, tahunan atau tarikh matang akan dibayar mengikut tarikh (<i>point to point</i>) deposit.</li> </ul> <p><b>Ilustrasi:</b>            Tempoh : 12 bulan            Tarikh pembukaan akaun : 02/02/2020            Tarikh matang : 02/02/2021            Sekiranya pelanggan memilih keuntungan dibayar secara tahunan, keuntungan akan dibayar pada 02/02/2021.</p>							
Tempoh	6,12,24 dan 36 bulan (mengikut kesesuaian pilihan pelanggan)							
Deposit Pembukaan Minima	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh/Pulangan</th> <th>Amaun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bulanan, Setengah Tahun, Tahunan, Tempoh Matang</td> <td>RM 1,000.00</td> </tr> <tr> <td>Deposit sekuriti secara <i>upfront</i></td> <td>RM 5,000.00</td> </tr> </tbody> </table>		Tempoh/Pulangan	Amaun	Bulanan, Setengah Tahun, Tahunan, Tempoh Matang	RM 1,000.00	Deposit sekuriti secara <i>upfront</i>	RM 5,000.00
Tempoh/Pulangan	Amaun							
Bulanan, Setengah Tahun, Tahunan, Tempoh Matang	RM 1,000.00							
Deposit sekuriti secara <i>upfront</i>	RM 5,000.00							

Kadar Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar keuntungan akan dimaklumkan semasa pembukaan akaun dan semasa pembaharuan akaun.</li> <li>Kadar keuntungan semasa yang ditawarkan bagi setiap produk boleh disemak di laman sesawang Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> atau notis yang dipaparkan di cawangan.</li> <li>Kadar keuntungan akan berubah dari semasa ke semasa.</li> </ul>
------------------	--

**c) FRIA-i On Lien**

Disyaratkan kepada individu dan bukan individu untuk dijadikan sebagai cagaran kepada pembiayaan.

Jenis Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keuntungan pada tarikh matang akan dibayar mengikut tarikh (<i>point to point</i>) deposit. <u>Ilustrasi:</u> Tempoh : 12 bulan Tarikh pembukaan akaun : 02/02/2020 Tarikh matang : 02/02/2021 Keuntungan dibayar pada 02/02/2021.</li> </ul>					
Tempoh	12 bulan					
Deposit Pembukaan Minima	<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;"><b>Tempoh / Pulangan</b></th> <th style="text-align: center;"><b>Individu/ Bukan-Individu</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">12 bulan</td> <td style="text-align: center;">RM 1,000.00</td> </tr> </tbody> </table>		<b>Tempoh / Pulangan</b>	<b>Individu/ Bukan-Individu</b>	12 bulan	RM 1,000.00
<b>Tempoh / Pulangan</b>	<b>Individu/ Bukan-Individu</b>					
12 bulan	RM 1,000.00					
Kadar Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar keuntungan akan dimaklumkan semasa pembukaan akaun dan semasa pembaharuan akaun.</li> <li>Kadar keuntungan semasa yang ditawarkan bagi setiap produk boleh disemak di laman sesawang Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> atau notis yang dipaparkan di cawangan.</li> <li>Kadar keuntungan akan berubah dari semasa ke semasa.</li> </ul>					

- Penempatan/Pengeluaran FRIA *On Lien* adalah bagi tujuan mendapatkan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan dan tertakluk kepada kelulusan oleh Bank.

**4. Apakah terma dan syarat asas lain yang perlu saya ketahui?**

- Sekiranya pengeluaran pra-matang dibuat, tiada keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan berdasarkan situasi-situasi berikut:
  - Bagi Akaun Baru:
    - Pengeluaran pra-matang dalam tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah dari tarikh penempatan deposit; tiada keuntungan akan dibayar dan Pelanggan adalah tertakluk kepada pembayaran Fi Pembrokeran dan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (sekiranya ada) ke atas Fi Pembrokeran tersebut.
    - Pengeluaran pra-matang selepas tiga (3) bulan dari tarikh penempatan deposit dan sebelum tarikh matang; tiada keuntungan akan dibayar dan Pelanggan tidak tertakluk kepada pembayaran Fi Pembrokeran.

- Bagi Akaun Pembaharuan:  
Pengeluaran pra-matang; tiada keuntungan akan dibayar dan Pelanggan tidak tertakluk kepada pembayaran Fi Pembrokeran.
- ii. Pembaharuan secara automatik adalah dibenarkan. Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank sebagai wakil untuk memperbaharui akaun deposit berjangka bagi pihak Pelanggan apabila deposit berjangka matang. Pembaharuan akaun secara automatik akan berterusan selama tujuh (7) tahun sahaja. Selepas tempoh tersebut, Pelanggan perlu menghadirkan diri ke Bank untuk membuat pembaharuan bagi tujuan pengaktifan akaun dalam tempoh tersebut bagi mengelakkan wang dihantar ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

Nota: Terma dan syarat adalah tertakluk kepada perubahan. Pihak Bank akan memaklumkan Pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang perubahan berkuatkuasa.

## 5. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
Fi Pembrokeran	Fi Pembrokeran sebanyak 0.05% dari jumlah deposit atau RM50.00, yang mana lebih rendah, akan ditanggung oleh Bank. Walau bagaimanapun jumlah tersebut akan ditanggung oleh Pelanggan sekiranya berlaku pengeluaran pramatang, dalam tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah dari tarikh penempatan deposit bagi akaun baru.  Fi Pembrokeran yang dikenakan adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (sekiranya ada).
Penggantian kehilangan atau kerosakan sijil deposit berjangka	Duti setem RM10.00 bagi Surat Indemniti dan RM5.00 setiap sijil akan dikenakan tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (sekiranya ada).

Nota:

- Dari semasa ke semasa, pihak Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh perlaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan.
- Sekiranya berkenaan, fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (sekiranya ada).

## 6. Apakah risiko-risiko yang terlibat?

Anda dinasihatkan supaya memahami dan mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko serta mendapatkan bantuan lanjut dari mana-mana pegawai Bank di cawangan terdekat sekiranya perlu, sebelum membuat keputusan bagi penempatan akaun deposit ini. Anda tidak akan mendapat harga jualan penuh sekiranya pengeluaran dibuat sebelum tempoh matang dan anda mungkin mendapat kadar keuntungan yang lebih rendah semasa pembaharuan akaun.

Bagi pelanggan yang membuat tuntutan awal bayaran Harga Belian daripada pihak Bank (pengeluaran awal) sebelum tarikh matang Deposit Berjangka, pelanggan tersebut telah bersetuju untuk memberikan rebat/ibra' kepada pihak Bank bagi perbezaan Harga Belian dengan bayaran yang perlu dibayar oleh pihak Bank disebabkan pelanggaran terma-terma dan syarat.

## 7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

- Tel : 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel : [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

**8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi pihak Bank di:  
Agrobank, Client Relationship Management, Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)
- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:  
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-5465 • Faks: 603-2174 1515 • E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan, atau hubungi pihak Bank di:  
Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.  
• Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

**10. Sekiranya pelanggan berminat dengan produk ini, apakah produk/ program lain yang mungkin diminati/relevan kepada pelanggan tersebut?**

- Deposit Khas-i
- Program Sahabat Agro

**Penafian:**

Pelanggan hendaklah mendapatkan pandangan daripada Penasihat Kewangan Bank di cawangan terdekat sebelum membuat keputusan untuk menerima produk ini. Terma dan syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Terma-Terma dan Syarat Bagi Akaun Deposit.

Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sila rujuk Polisi PDP kami yang boleh didapati di laman sesawang kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Saya / Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Produk seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.	
Tandatangan	:
Nama	:
No. Kad Pengenalan	:
Tarikh	: